



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5(23)
Tarikh : 2 Mac 2026
Bersamaan : 12 Ramadan 1447H

Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.23/2026/O : SEMAKAN DAN PENGESAHAN AKHIR
SENARAI NAMA PENERIMA BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026 DAN
SUMBANGAN KHAS "ONE OFF" TAHUN 2026 KEPADA GURU KAFA DAN
IMAM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Jabatan ini telah selesai memuat naik bayaran secara berkelompok di Sistem Gaji Berkomputer berdasarkan maklum balas pengesahan senarai nombor gaji yang telah dikemukakan oleh tuan/ puan pada 24 Februari 2026.

3. Sehubungan itu, tuan/ puan diminta menyemak Laporan SQ01 dan memastikan pegawai yang layak menerima BKK Tahun 2026 ini dibayar sama ada secara Arahan Pembayaran apabila sekatan over bajet dibuka atau pada gaji bulan April melalui Sistem Emolumen Berkomputer. Kod urusaniaga yang perlu digunakan bagi BKK Tahun 2026 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam, Contract Of Service (OS11), Contract For Service (CFS)
	B0229306	Bantuan Khas Kewangan Contract Of Service (OS29)
1077	B0442117	Pemberian/ Bayaran Khas (Guru Kafa & Imam)

4. Tuan/ puan diingatkan supaya memastikan hanya pegawai yang layak sahaja dibayar. Sekiranya terdapat juga pegawai yang tidak layak telah dibayar, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab membuat **kutipan bayaran balik dengan SEGERA**. Kod urusaniaga adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
4019	B0117102	Bayaran Balik Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam, <i>Contract Of Service</i> (OS11), <i>Contract For Service</i> (CFS)
	B0229306	Bayaran Balik Bantuan Khas Kewangan <i>Contract Of Service</i> (OS29)
4021	B0442117	Bayaran Balik Pemberian/ Bayaran Khas (Guru Kafa & Imam)

Kerjasama dan perhatian tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.